
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

BBT 302/3 - Botani Ekonomi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BBT 302/3]

1. Bincangkan kepentingan famili graminae sebagai pembekal makanan yang utama untuk manusia.

(20 markah)

2. Apakah kemampuan Malaysia serta langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadi pembekal buah-buahan tropika utama di peringkat antarabangsa.

(20 markah)

3. Nikolay Vavilov telah mengkaji taburan tumbuhan-tumbuhan bernilai ekonomi dari seluruh dunia dan telah mengetengahkan beberapa pusat asalusul pertanian. Huraikan salah satu daripada pusat-pusat tersebut yang anda rasakan paling berjaya.

(20 markah)

4. Kerajaan Malaysia telah banyak memberikan perhatian mengenai penyelidikan di bidang pertanian. Bagaimanakah penyelidikan ini dapat membantu memajukan sektor pertanian untuk memenuhi hasrat wawasan 2020? Berikan contoh-contoh jika perlu.

(20 markah)

5. Bincangkan bagaimana penggunaan biobaja dapat membantu petani-petani dalam usaha meningkatkan hasil pertanian.

20 markah)

[BBT 302/3]

6. Huraikan teknologi-teknologi yang telah dikembangkan ataupun yang boleh digunapakai di Malaysia untuk memajukan industri bunga segar negara ini.

(20 markah)

- ooo O ooo -

